

Fungsi Ajung dalam masyarakat Iranun daerah Kota Belud, Sabah

ABSTRACT

Sabah negeri yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan khazanah warisan budaya etnik. Salah satu etnik yang kaya dengan warisan budaya ialah Iranun. Masyarakat Iranun adalah masyarakat minoriti yang hampir sama dengan etnik Bajau. Etnik Iranun kebanyakan menetap di Kota Belud dan juga di Lahad Datu, selain di Kota Kinabalu, kajian ini memberi tumpuan kepada khazanah warisan Iranun yang dikenali sebagai Ajung yang terdapat dalam masyarakat Iranun. Ajung merupakan sebuah replika rumah yang dihiasi dengan pelbagai jenis kain berwarna. Kerja lapangan dan pemerhatian sertatemu bual dilakukan di beberapa buah kampung, di Kota Belud iaitu kampung Merabau, kampung Nanamun dan kampung Rampayan Laut. Kajian ini menjelaskan kefungsiannya Ajung terhadap budaya kehidupan masyarakat Iranun. Dapatan menunjukkan bahawa ajung bukan sekadar sebuah replika rumah yang dihiasi dengan pelbagai jenis hiasan dan warna, tetapi ajung mempunyai fungsi yang penting dalam kehidupan masyarakat Iranun selain sebagai citra identiti etnik masyarakat tersebut.